

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

20. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk promosi pusat IKS di Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Di antara perancangan/ inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosi pusat Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) serta menggalakkan pelaburan dalam IKS adalah seperti berikut:

- (a) Menubuhkan Pusat S.M.A.R.T (*SME Market Advisory, Resource & Training*) yang ditubuh sebagai titik hubungan usahawan dan perniagaan SME untuk mendapat khidmat nasihat dan maklumat perniagaan terkini dan inisiatif seperti penyenaraian direktori atas talian (*online directory listing*), bengkel pembangunan keupayaan (*capability building workshop*) dan sesi pemandanan perniagaan (*business matching events*) juga membantu mengembangkan perniagaan mereka;
- (b) Membangunkan Pusat IKS Pulau Pinang di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas oleh PDC berobjektif membantu usahawan-usahawan baru dan sedia ada bagi mengurangkan kos operasi mereka dengan menyediakan ruang operasi dengan kadar sewa bersubsidi. Kadar sewa bermula dari RM1.50 kaki persegi sebulan dan kemudahan yang disediakan termasuk lif, bilik mesyuarat, bilik pantri, lif kargo, kamera pengawasan dan ruang utiliti;

- (c) Menempatkan IKS secara berkelompok dengan pembinaan perkampungan-perkampungan IKS di kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak. Perkampungan IKS ini bermatlamat untuk mewujudkan rantaian bekalan yang kukuh dan lengkap dan membantu membentuk hubungan antara IKS dengan syarikat multinasional. Sebanyak 22 ruangan IKS berbentuk berkembar (semi-D), 43 unit ruangan jenis teres, dua (2) unit jenis bungalow dan lapan (8) jenis kluster bertempat di Kawasan Perindustrian Batu Kawan dan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak;
- (d) Menyediakan dana “*The Penang i4.0 seed fund*” yang menawarkan pembiayaan sehingga RM250,000 untuk membantu syarikat *tech start up* yang mempunyai produk dan perkhidmatan teknologi inovatif untuk mencapai pengkomersialan. Selain itu, perkhidmatan tambah nilai seperti *mentorship* dan *linkages* juga turut disediakan;
- (e) Membina sebuah bangunan empat (4) tingkat di Fasa 4, Taman Perindustrian Bayan Lepas yang dikenali sebagai *Penang SME Centre* yang bertujuan sebagai pusat inkubasi dan menyediakan ruang kilang kepada pengusaha-pengusaha IKS yang tidak mampu memiliki premis sendiri. Subsidi sewa yang diberikan dapat mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan daya saing IKS di pasaran antarabangsa;
- (f) Membangunkan projek *SME Village* di atas tanah seluas 150 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan dengan menyediakan unit-unit kilang siap bina dan plot-plot tanah berkeluasan kecil bagi menampung permintaan daripada pengusaha IKS baru dan sedia ada; dan
- (g) Penubuhan *Penang Automation Cluster* (PAC) di atas tanah seluas lima (5) ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP). Ia merupakan *one-stop metal component supply chain* yang bertujuan untuk membantu IKS tempatan untuk mempertingkatkan daya saing dalam industri automotif. Projek tersebut mendapat sokongan daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dan insentif akan diberikan kepada penyewa-penyewa IKS yang beroperasi di PAC.